



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 1997

TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL BAGI
PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan meminda [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987](#) mengenai kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal bagi pegawai yang bertukar wilayah.

PINDAAN

TAKRIF

2. Takrif bagi "*pegawai yang bertukar wilayah*" di perenggan 2.3 (c) dan "*keluarga*" di perenggan 2.4 dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987](#) adalah dipinda seperti berikut-

"2.3 (c) pegawai yang berasal dari **Sabah** yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Sarawak dan pegawai yang berasal dari **Sarawak** yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Sabah."

"2.4 *"keluarga"* bererti keluarga pegawai, iaitu isteri/suami dan anak-anak pegawai yang di bawah umur 21 tahun, dan masih dalam tanggungan pegawai kecuali anak yang daif disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani."

TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL

3. Tambang pergi dan balik antara wilayah disediakan dari tempat tinggal pegawai ke **ibu kota** wilayah asal pegawai. Pelaksanaan kemudahan ini adalah seperti berikut -

3.1 Perkiraan Kelayakan Kemudahan Setiap 2 Tahun

- (i) Kelayakan yang mensyaratkan pegawai berkhidmat selama 9 bulan terlebih dahulu di wilayah penempatan adalah bagi kali pertama kemudahan digunakan.
- (ii) Kelayakan untuk kali kedua dan seterusnya ialah bila-bila masa dalam tempoh tiap-tiap dua tahun yang berulang selepas pertukaran pegawai.
- (iii) Tempoh pegawai bercuti tanpa gaji dan atau bercuti separuh gaji tidak boleh diambilkira untuk menentukan kelayakan kemudahan ini. Tempoh cuti tersebut hendaklah ditambah

kepada tempoh perkhidmatan pegawai untuk menentukan kelayakan kemudahan selanjutnya. Perubahan tarikh ini perlu direkodkan sewajarnya.

3.2 **Kelayakan Kelas Tambang Untuk Keluarga Pegawai**

Bagi pegawai yang layak tambang Kelas Satu, isteri atau suaminya boleh disediakan tambang Kelas Satu. Anak pegawai disediakan tambang Kelas Ekonomi.

3.3 **Tambang Untuk Keluarga Yang Tidak Turut Bersama-sama Pegawai Bertukar Wilayah**

Tambang pergi dan balik boleh disediakan untuk isteri atau suami serta anak untuk melawat pegawai dengan syarat **pegawai tidak menggunakan** tambang untuk balik ke wilayah asal. Tambang yang boleh disediakan ialah dari ibu kota wilayah asal pegawai ke tempat pegawai berkhidmat.

3.4 **Tambang Untuk Membawa Pasangan Dari Wilayah Asal Ke Wilayah Penempatan Pegawai**

Pegawai yang belum berkahwin yang balik ke wilayah asalnya dengan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal atau atas pembiayaan sendiri untuk berkahwin, boleh disediakan tambang perjalanan untuk membawa isteri atau suaminya ke tempat penempatan pegawai.

3.5 Permohonan untuk menggunakan kemudahan

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang seperti di

Lampiran A.

TARIKH KUATKUASA

4. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 November 1997.

PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

6. Dengan kuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, perenggan 2.3 (c) dan 2.4, [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987](#) adalah dibatalkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DR. MAZLAN BIN AHMAD)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MALAYSIA

KUALA LUMPUR

10 Oktober 1997

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

Borang Am JPA (Saraan)/TW/97

BORANG PERMOHONAN TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL

(Tandakan ü di kotak berkenaan dan * sila potong yang tidak berkenaan)

Ketua Jabatan

.....
.....
.....

Tuan,

Saya memohon menggunakan kemudahan tambang mengunjungi Wilayah Asal untuk -

- saya ke *Kuala Lumpur/Kota Kinabalu/Kuching; **atau**
- saya dan *suami/isteri/anak ke *Kuala Lumpur/ Kota Kinabalu/ Kuching; **atau**
- *suami/isteri/anak saya dari *Kuala Lumpur/Kota Kinabalu/ Kuching melawat saya

2. Butir-butir saya adalah seperti berikut -

(a) Nama:.....

(b) No.K/P:.....
Asal:.....

(c) Wilayah

(d) Alamat
rumah:.....
.....

(e) Nama dan Alamat pejabat
(*isteri/suami):.....
.....

(f) Tarikh pertukaran dari Wilayah
Asal:.....

(g) Tarikh tambang
diperlukan:.....

(h) Tarikh terakhir tambang
digunakan:.....

(i) Tambang untuk ahli
keluarga:.....

Nama

Umur

Pertalian kekeluargaan

(i).....

(ii).....

(iii).....

(iv).....

(v).....

(Salinan dokumen berkaitan diperlukan untuk pengesahan bagi permohonan kali pertama)

3. Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar. Sekiranya didapati bahawa maklumat yang diberikan itu tidak benar, saya akan kehilangan kemudahan ini dalam tempoh saya berkhidmat di wilayah ini.

.....
Tandatangan pemohon

.....
Tarikh

Untuk kegunaan
pejabat

Permohonan *dilulus/tidak dilulus.

.....
(Nama dan Jawatan Pegawai)

.....
Tarikh